

## IPT disaran laksana konsep kesepunyaan

**KUALA TERENGGANU 13 Feb.** - Semua institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini disaran mengorak langkah ke arah pelaksanaan konsep kesepunyaan bagi memastikan kejayaan pendekatan pendidikan fleksibel yang dihasratkan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Menterinya, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, menerusi konsep itu universiti awam, swasta hinggalah ke politeknik dan kolej komuniti akan dilihat sebagai ahli-ahli dalam satu ekosistem lengkap hasil jaringan kerjasama penyampaian pengalaman pembelajaran unik disamping perkongsian sumber insan, kewangan, penyelidikan berimpak tinggi termasuk mengeluarkan pengiktirafan akademik secara bersama.

Beliau menarik perhatian, kerangka pemikiran baharu dalam konteks pendidikan tinggi itu bukan sahaja mampu menjimatkan kos malah apa yang lebih mustahak adalah dapat mengoptimumkan sumber yang dimiliki institusi masing-masing demi kebaikan bersama.

"Kita melihat IPT perlu menjalin kerjasama sesama sendiri, kalau di sini misalnya antara Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Ketika ini yang menjadi penghalang kedua-duanya adalah sebatang jalan dan pemikiran.

"Jadi saya percaya mungkin UniSZA dan UMT serta semua IPT selepas ini boleh menawarkan kursus yang sama, jadi kita tidak perlu lagi dua pensyarah. Saya juga difahamkan Universiti Malaya (UM) su-

dah bergerak ke arah itu menerusi usahasama dengan Pusat Pendidikan Antarabangsa Kewangan Islam (INCEIF) dalam bidang kewangan Islam," katanya dalam sidang akhbar selepas berucap di program Jelajah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT): *Soaring Upwards* di Dewan Perdana, UniSZA dekat sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha KPT, Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang dan Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif.

*Soaring Upwards* atau peningkatan berterusan merupakan tagline KPT dan digunakan bagi menggambarkan landskap pendidikan tinggi negara yang bertambah baik serta dalam masa sama mengiktiraf bahawa usaha berterusan perlu untuk melonjakkan pendidikan tinggi negara ke tahap seterusnya.

Program itu diadakan bersempena Karnival Pendidikan Tinggi Negara Kali Ke-12 Jom Masuk IPT yang antara lain bertujuan mempromosikan serta menyebarkan maklumat mengenai kursus pengajian yang ditawarkan IPT disamping mendidik dan memupuk kesedaran dalam kalangan pemohon serta masyarakat.

Menurut Idris, konsep itu akan diperluaskan ke semua IPT dan lebih banyak kerjasama akan diwujudkan termasuk tumpuan pada elemen keseragaman dalam memastikan pendidikan tinggi negara mampu menjadi antara yang terbaik di dunia.



**IDRIS JUSOH** bermain dam haji bersama pelajar sambil diperhatikan oleh Zaini Ujang (dua dari kanan) dan Ahmad Zubaidi Abdul Latif (kanan) sewaktu melawat Karnival Pendidikan Tinggi Negara Ke 12 di Gong Badak, Kuala Terengganu, Terengganu, semalam. - MINGGUAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH